

**ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 6/1976**

---

**PENGAMBILAN DAN PENGELUARAN**  
**BAHAN BATUAN (BATU/PASIR) DARI TANAH-TANAH MILIKI**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian semua PHT dan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah kepada peruntukan seksyen 70 dan 71 K.T.N mengenai perkara yang diatas dalam mana Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran dan pengambilan apa-apa bahan batuan dari :-

- (a) Tanah Kerajaan;
- (b) Tanah miliki;
- (c) Tanah lombong;
- (d) Tanah Rezab.

Menurut Seksyen 71(b) K.T.N permit-permit untuk mengeluarkan dan mengambil bahan batuan dari tanah-tanah miliki bolehlah dikeluarkan oleh P.H.T. :-

- (i ) kepada tuan punya tanah itu; atau
- (ii) dengan keizinan tuan punya tanah, kepada sesiapa atau mana-mana badan lain.

2. Dalam masa-masa yang lepas saya percaya kebanyakkan PHT hanya menitikberatkan tentang pengeluaran permit untuk mengeluarkan dan mengambil bahan-bahan batuan dari tanah-tanah Kerajaan atau tanah-tanah rezab sahaja. Oleh itu melalui arahan ini adalah diharapkan supaya semua PHT mengambil tindakan tegas dalam soal ini supaya pengambilan dan pengeluaran bahan batuan dari tanah-tanah milik juga dimestikan mengambil permit dari mana-mana Pejabat Tanah yang berkenaan.

3. Mengikut Seksyen 72(1) K.T.N permit itu hendaklah dikeluarkan untuk satu tempoh yang tamat tidak lewat daripada penghujung tahun yang ianya bermula. Sunggohpun begitu PHT hendaklah menggunakan budibicaranya sendiri untuk menentukan tempoh tamat permit itu kerana undang-undang membenarkan kita memberi satu tempoh yang lebih pendek dari itu, jika difikirkan perlu.

4. Dalam soal menentukan tempoh permit itu saya suka menasihatkan semua PHT supaya sebelum permit itu dikeluarkan, membuat perhitungan terlebih dahulu, tentang berapa elai padu tanah/pasir yang hendak dikeluarkan dan berapa buah lori yang hendak digunakan serta berapa muatannya. Dari situ dapat dianggarkan atau ditentukan satu tempoh yang sesuai sesuatu permit itu akan luput. Kalau kerja memindahkan bahan batuan itu difikirkan dapat disiapkan dalam tempoh 2 minggu, maka permitnya, hendaklah tamat dalam masa dua minggu, jangan lebih dari itu. Dengan jalan ini dapatlah kita mengelakkan dari penyelewengan terbit dari penggunaan permit itu.
5. Sayugia saya menambah lagi di sini, iaitu bagi menyenangkan untuk membuat pemeriksaan No.lori atau van yang digunakan untuk mengangkat atau memunggah batu/pasir itu perlulah dicatitkan diatas permit itu dan PHT atau PPHT hendaklah sentiasa membuat lawatan atau pemeriksaan mengejut ketempat-tempat dimana batu/pasir itu diambil supaya penyelewengan dalam soal ini tidak berlaku.
6. Saya percaya jika semua PHT mengambil tindakan tegas seperti yang dinyatakan diatas maka sedikit sebanyak hasil Negeri kita ini akan bertambah melalui punca ini.
7. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling P.T.G.Bil.2/1973 yang telah dikeluarkan pada 24.3.1973.

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Kelantan.

**Kepada:** Semua P.H.T. dan Pen. P.H.T. Kelantan  
Ketua Jajahan Kecil Gua Musang

**s.k**

Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan

Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Semua Pegawai-pegawai Jajahan Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

Pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN,KOTA BHARU.**

**PTG.Kn. 7672/(10)**

**17hb.Ogos, 1976.**